

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A 2016/12/103 (HQ)**

### **GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK MELIBATKAN LOJI-LOJI RAWATAN AIR UTAMA DI SELANGOR & KUALA LUMPUR PADA 19 DISEMBER 2016**

Kerja-kerja senggaraan (preventive maintenance) di Pencawang Masuk Utama (PMU) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Bukit Badong pada 19 Disember 2016 adalah penyelenggaraan pencegahan yang dilakukan setiap tiga (3) tahun sekali.

Kerja-kerja ini, yang akan menyebabkan gangguan bekalan ke loji-loji rawatan air utama di Selangor dan Kuala Lumpur, adalah untuk mengelakkan sebarang gangguan bekalan elektrik di PMU tersebut di masa hadapan.

Selain selenggaraan, pemasangan sistem perlindungan arka (arc protection) akan dilaksanakan pada hari yang sama sebagai langkah pencegahan dari berlakunya sebarang kerosakan atau gangguan bekalan elektrik yang tidak terancang atau secara tiba-tiba di PMU berkenaan.

Kerja-kerja ini telah dirancang lebih awal oleh TNB (bermula 27 September 2016) dan tarikh 19 Disember telah diputuskan dalam satu mesyuarat yang diadakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada 31 Oktober 2016.

Mesyuarat telah dihadiri wakil-wakil dari sektor Air antaranya Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) selain TNB.

Secara keseluruhannya, kerja-kerja yang terlibat dijangka mengambil masa 16 jam kerana skop kerja terbahagi kepada dua (2) iaitu: -

- penyelenggaraan berjadual (preventive maintenance) di PMU Bukit Badong & SSU RWPS yang merangkumi:-
  - i. senggaraan bahagian mekanikal pemutus litar (linkages)
  - ii. calibration protection relay
  - iii. ujian rintangan (IR) Busbar 33kV & 11kV
  - iv. vacuum test
  - v. contact resistance test
  - vi. timing test

- pemasangan perlindungan arka (arc protection) yang bertujuan untuk mengurangkan tahap kerosakan peralatan dan meminimumkan masa downtime sistem.

Pihak Air Selangor akan menyediakan pelan tindakan kontigensi bagi pengurangan pengeluaran akibat kerja-kerja henti tugas tersebut.

Lumpur.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Disember 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /*

*Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /*

*Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)*

*[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*